

BERITA HARIAN

DATE: 13/09/2007

Berhati-hati pulang berbuka, Aidilfitri: PM

Abdullah mahu kemalangan pada musim perayaan dikurang

Oleh Faiza Zainudin

BUTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam, menasihatkan orang ramai terutama pemandu kenderaan supaya berhati-hati ketika hendak pulang berbuka puasa mahupun menyambut Aidilfitri nanti.

Serentak itu, Perdana Menteri juga meminta ibu bapa supaya mengingatkan anak masing-masing supaya sentiasa berhati-hati di jalan raya supaya mereka selamat tiba ke destinasi di-tuju.

Beliau berkata, pesanan itu dibuat kerana beliau tidak mahu kegembiraan untuk berbuka puasa dan beraya bersama keluarga bertukar menjadi hari yang menyedihkan.

Perdana Menteri memberi nasihat itu kerana beliau prihatin dengan senario kemalangan yang sering meningkat setiap kali menjelang musim perayaan.

"Kita cubalah pesan kepada anak dan saudara mara yang selalu balik kampung bila hendak beraya atau berbuka puasa, naik (pandu) kereta dengan cermat, pandu selamat supaya dapat beraya dan berbuka bersama.

"Saya tidak mahu jadi apa-apa yang buruk, sebab itu tidak salah

“Saya tidak mahu jadi apa-apa yang buruk, sebab itu tidak salah saya bagi tahu awal-awal, saya harap ibu bapa dapat melaksanakan tanggungjawab ini”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

saya bagi tahu awal-awal, saya harap ibu bapa dapat melaksanakan tanggungjawab ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian Sumbangan Moreh Ramadan kepada masjid di Pulau Pinang di Masjid Seberang Jaya, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Khalid Ramli dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Yahaya Abd Hamid.

JPM memberi sumbangan tahunan sebanyak RM1,000 bagi 202 masjid di negeri ini bagi mengimarahkan masjid sepanjang Ramadan termasuk majlis berbuka puasa, bersahur dan mengadakan qiamulail.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyatakan kesyukuran kerana rakyat dapat menyambut ketibaan bulan mulia dengan penuh kesesuaian dan keamanan.

Serentak itu, beliau mengajak seluruh umat Islam di negara ini melipat ganda usaha dan ibadat untuk merebut ganjaran pahala pada bulan Ramadan.

Abdullah juga mahu masjid dan surau menyemarakkan aktiviti di rumah Allah itu dengan pelbagai program bagi manfaat bersama, sekaligus mengeratkan silaturahim dan memelihara perpaduan.

"Amalan dalam bulan mulia ini bukan sekadar amal ibadat bersembahyang saja, tapi eloklah buat amal jariah, bersedekah dan tolong menolong.

"Ramadan bulan mubarak, dan kita patut bersyukur dapat berpuasa esok (hari ini). Ia amat bermakna kerana inilah pertama kali kita berjumpa pada bulan mulia selepas 50 tahun merdeka.

"Ini adalah kemuliaan yang Allah beri kepada kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

BH - 13/9/2007